

SPAD jangka salur dana ISBF bulan depan

KUALA LUMPUR – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) sedang menunggu dana daripada Kementerian Kewangan untuk diberikan kepada pengusaha bas henti-henti seluruh negara.

Dana tersebut sudah pun diluluskan pada 7 Julai lalu.

Pengerusi SPAD, Tan Sri Syed Hamid Albar berkata, Dana Sokongan Sementara Bas Henti-Henti (ISBF) berjumlah RM19 juta itu akan diberikan selewat-lewatnya bulan hadapan.

Menurut beliau, peruntukan yang diberi kepada SPAD mengikut jumlah-jumlah tertentu secara berperingkat-

peringkat.

“Kita faham dengan kesusahan yang dihadapi pengusaha bas akibat penangguhan dana ini dan memohon maaf,” ujarinya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis penyerahan kenderaan pelbagai guna Toyota Innova sebagai model tambahan bagi skim Teksi 1Malaysia (TEKS1M) di sini semalam.

Media baru-baru ini melaporkan, pengusaha-pengusaha bas menghadapi masalah menanggung kos operasi dan sekali gus menimbulkan kesulitan kepada pengguna khususnya di kawasan luar bandar.



SYED HAMID ALBAR (dua dari kiri) melihat teksi baharu Toyota Innova yang dilancarkan di Kuala Lumpur semalam.